



SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI BOMBA SEDUNIA 2026 : KPKT SANJUNG JASA WIRA MERAH NEGARA, PERKUKUH INTEGRITI DAN PERTINGKAT USAHA PENCEGAHAN KEBAKARAN

JOHOR BAHRU, 9 Mei 2026 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus menzahirkan penghargaan tinggi terhadap jasa dan pengorbanan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang sentiasa komited melindungi nyawa serta keselamatan rakyat tanpa mengira masa.

Pada masa yang sama, KPKT juga memberi penekanan terhadap usaha memperkukuh integriti dalam perkhidmatan kebombaian serta mempertingkatkan langkah-langkah pencegahan kebakaran bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan masyarakat terus terpelihara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming menyifatkan **Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia** merupakan detik penuh makna yang mencerminkan realiti bahawa di sebalik setiap nyawa yang diselamatkan, terdapat keberanian luar biasa anggota bomba yang sanggup berdepan risiko tinggi demi rakyat dan negara.

“Sejak kebelakangan ini, peranan bomba menjadi semakin mencabar dengan peningkatan insiden yang lebih kompleks dan berisiko tinggi. Namun, JBPM terus membuktikan kecekapan dan profesionalisme yang membanggakan, termasuk dalam mengendalikan insiden berprofil tinggi seperti letupan saluran gas di Putra Heights tahun lalu. Kecekapan ini membuktikan bahawa pasukan bomba sentiasa bersedia tanpa kompromi dalam melaksanakan tanggungjawab. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua wira merah negara,” kata beliau.

Menurut YB Tuan Nga Kor Ming, kecemerlangan pasukan bomba bukan sahaja diukur melalui kecekapan operasi tetapi juga kekuatan integriti, disiplin serta tahap kepercayaan rakyat terhadap institusi tersebut.

Beliau berkata, kejayaan JBPM merangkul **Anugerah Platinum Integriti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2024** merupakan pengiktirafan besar yang membuktikan komitmen tinggi warga bomba terhadap nilai amanah dan tadbir urus terbaik.

“Walaupun pengiktirafan tersebut tidak berjaya dipertahankan pada tahun lalu, ia harus dijadikan pemangkin untuk JBPM terus memperkukuh integriti dan meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan secara berterusan. KPKT akan terus memberi fokus kepada usaha memperkasakan tadbir urus, ketelusan, disiplin serta integriti dalam perkhidmatan kebombaanan agar keyakinan rakyat terhadap pasukan bomba sentiasa terpelihara,” katanya.

Dalam masa sama, beliau menegaskan bahawa KPKT turut memberi penekanan serius terhadap usaha pencegahan kebakaran sebagai pendekatan utama mengurangkan risiko kehilangan nyawa dan kerugian harta benda.

Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2026 yang diadakan di Padang Plaza Angsana, Johor Bahru berkonsepkan karnival selama dua (2) hari bersempena Sambutan Jubli Emas 50 tahun penyatuan JBPM dan bertemakan “**Bomba Tonggak Penyelamatan Negara**”. Sambutan kali ini turut diserikan dengan **50 kumpulan pergerakan kawad kaki Detasmen Statik melibatkan 550 peserta serta 50 jentera dan kenderaan bomba, termasuk tujuh (7) koleksi kenderaan milik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim.**

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

